

MAHATHIR - BANKRAP

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDIA MENGAJAI CADANGAN MEWUJUDKAN MAHKAMAH KHAS BAGI MENGENDALIKAN KES BANKRAP MEMANDANGKAN ADA KALANGAN YANG SENGAJA +MEMBANKRAPKAN+ DIRI UNTUK MELEPASKAN DARIPADA HUTANG TETAPI MASIH MAMPU HIDUP MEWAH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BERKATA, PENUBUHAN SEBUAH MAHKAMAH KHAS BAGI MENGENDALIKAN KES BANKRAP TIDAK MEMADAI TANPA MEMPERTINGKATKAN KEMAMPUAN MAHKAMAH BAGI MENGENDALIKAN KES-KES YANG TERTUNDA.

MAHKAMAH YANG SEDIA ADA BOLEH MENGENDALIKAN KES-KES BANKRAP TETAPI KINI IA DIBEBANKAN DENGAN TERLALU BANYAK KES-KES TERTANGGUH, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI.

BELIAU MENGULAS CADANGAN GABENOR BANK NEGARA TAN SRI JAFFAR HUSSEIN BULAN LEPAS MENGENAI PENUBUHAN MAHKAMAH KHAS BAGI MENGENDALIKAN KES-KES BANKRAP BAGI MEMASTIKAN GOLONGAN YANG DIISYTIHARKAN BANKRAP TETAPI MASIH MEWAH, MENJELASKAN HUTANG MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UNDANG-UNDANG MENGENAI BANKRAP TIDAK SEHARUSNYA DIPERALATKAN TETAPI IA SEBAGAI SATU CARA MEMBANTU ORANG YANG MEMBERI HUTANG MENDAPAT SEMULA HUTANG MEREKA.

KATANYA, KERAJAAN BERSETUJU BUKAN SAHAJA UNTUK MENAMBAH BILANGAN MAHKAMAH, TETAPI JUGA UNTUK MENAMBAH BILANGAN KAKITANGAN MAHKAMAH, PEGAWAI PENDAKWA DAN PEGAWAI PENYIASAT UNTUK MENYEDIAKAN KETERANGAN SEMASA PERBICARAAN MAHKAMAH. -- BERNAMA.

1835MST 10 04 90